

08 JAN 2004

Abdullah-Reaksi

PM GEMBIRA REAKSI RAKYAT TERHADAP PELANTIKAN NAJIB

Oleh: Openg Onn

JAKARTA, 8 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad

Badawi berkata beliau gembira dengan reaksi rakyat dan pasaran modal terhadap pelantikan Datuk Seri Najib Tun Razak, sebagai Timbalan Perdana Menteri semalam.

Katanya reaksi itu juga positif terhadap rombakan kabinet yang membabitkan beberapa portfolio termasuk pelantikan penasihat khas ekonomi kepada Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop sebagai Menteri Kewangan Kedua.

"Saya amat gembira bila saya membaca akhbar-akhbar pagi ini yang menyiarkan komen-komen itu. Malah akhbar-akhbar berkenaan telah memberikan penulisan yang baik dalam lidah pengarang mereka," katanya kepada wartawan Malaysia yang membuat lawatan seharinya ke sini.

Beliau diminta menghuraikan kenyataannya dalam ucapan pada majlis pertemuan dengan masyarakat dan pelajar Malaysia yang diadakan sebelum itu di Kedutaan Besar Malaysia di sini.

Malah para penganalisis pasaran juga telah memberi komen bahawa rancaknya perdagangan saham di Bursa Saham Kuala Lumpur disebabkan oleh faktor-faktor ini (pelantikan Najib dan rombakan kabinet), katanya.

"Saya telah membuat satu keputusan yang membuatkan mereka gembira. Jadi apabila kita gembira, kita boleh melakukan banyak kerja dengan baik. Kita boleh menjadi produktif," katanya.

Abdullah yang diiringi Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar tiba di sini pagi tadi dan terus mengadakan kunjungan hormat terhadap Presiden Megawati Sukarnoputri di Istana Negara.

Kedua-dua pemimpin itu kemudian mengadakan perbincangan dua hala diikuti dengan majlis jamuan tengah hari yang diberikan Megawati.

Lawatan Abdullah itu adalah yang pertama ke negara ini selepas pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri pada 31 Okt lalu, mengambil alih jawatan daripada Tun Dr Mahathir Mohamad.

Sudah menjadi kelaziman bagi setiap pemimpin baru sebuah negara Asean untuk mengadakan lawatan rasmi ke negara-negara dalam kumpulan itu

bagi memperkenalkan diri, dan Indonesia adalah negara yang pertama dalam siri kunjungan itu.

Abdullah juga menjelaskan bahawa pelantikan Nor Mohamed adalah untuk menempatkan seorang profesional yang boleh menumpukan perhatian sepenuh masa pada jawatan itu tanpa dibebankan oleh tugas politik.

"Kalau kita suruh dia bekerja siang dan malam, kalau perlu, dia harus berada di situ. Sebab sebagai seorang profesional yang tidak terlibat dalam politik, dia tidak perlu nak lawat kawasan, rebut kerusi, cari kedudukan dalam parti dan kempen untuk jadi wakil rakyat.

"Memang saya tidak ada cadangan untuk beliau menjadi wakil rakyat di Parlimen pada masa akan datang," katanya.

Perdana Menteri berkata perkembangan dalam bidang kewangan dan ekonomi dunia seperti naik turun mata wang, berlaku begitu cepat sekali.

Semua itu harus dipantau dengan teliti dan seseorang itu harus berkesanggupan mencadangkan apa-apa tindakan yang perlu diambil segera oleh kerajaan supaya negara tidak terjejas oleh sebarang kemungkinan negatif, katanya.

"Jadi kita mesti bersedia untuk bertindak balas. Kita boleh bertindak jika kita mempunyai orang yang profesional dan kompeten," katanya.

Ketika dihubungi Bernama untuk mendapatkan penjelasan lanjut, Abdullah berkata: "Maksud saya, Menteri Kewangan Kedua ialah seorang profesional yang dilantik untuk menjalankan tugas-tugas di Kementerian Kewangan sepenuh masa.

"Beliau (Menteri Kewangan Kedua) tidak perlu banyak masa untuk mendapat sokongan politik kerana beliau tidak akan menjadi calon pilihan raya atau calon jawatan dalam parti. Orang politik dalam Kementerian Kewangan adalah saya (Perdana Menteri), timbalan-timbalan menteri dan setiausaha parlimen," jelas beliau.

Katanya Nor Mohamed adalah seorang pakar dalam bidang ekonomi, kewangan dan perbankan.

"Pengetahuan dan pengalaman beliau dapat digunakan untuk membantu saya

memimpin Kementerian Kewangan.

"Pasaran modal dan kewangan dunia bergerak dengan pantas dan begitu kompleks. Ia perlu dipantau sentiasa dan secara dekat agar negara dapat memberi respons segera kepada isu-isu dan perubahan yang berlaku.

"Dengan ini ekonomi negara dapat dilindungi daripada kesan-kesan buruk atau sekurang-kurangnya dapat mengurangkan kesan terhadapnya," kata Abdullah.

Sebelum itu, ketika berucap pada majlis pertemuan dengan masyarakat dan pelajar Malaysia di Kedutaan Besar Malaysia, Abdullah berkata beliau telah menggesa semua menteri untuk berazam memberi perkhidmatan yang terbaik dan cemerlang kepada rakyat.

Beliau juga meminta sektor awam agar mengambil tindakan yang sama bagi menghasilkan barangan dan perkhidmatan yang bermutu untuk meningkatkan imej Malaysia.

"Saya telah membuat keputusan untuk mengekalkan konsep persyarikatan Malaysia bagi memastikan semua sektor masyarakat, maju dan berjaya," katanya.

Beliau juga menggesa rakyat agar meningkatkan ilmu pengetahuan dan kesanggupan untuk berusaha dengan gigih demi kemajuan masa depan negara.

Ilmu pengetahuan saja dengan sistem yang canggih tanpa kesanggupan untuk bekerja keras hanya akan menjadi sia-sia, katanya.

-- BERNAMA

OPP AHH RON